

CIRI-CIRI KAWASAN KEJIRANAN YANG SELAMAT UNTUK PEJALAN KAKI

**KAJIAN KES : TAMAN PERLING, TAMAN UNIVERSITI
DAN TAMAN MUTIARA RINI**

TANG TUNG WU

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda
Perancangan Bandar dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

Oktober, 2001

ABSTRAK

Kawasan kejiranan pada asalnya merupakan suatu persekitaran kediaman yang direka khas untuk pejalan kaki. Namun, perancangan kawasan kejiranan kini hanya sekadar merizabkan lorong pejalan kaki dalam jaringan jalan utama dan jarang mengambil kira tentang keperluan dan keselamatan pejalan kaki setempat. Hasilnya, ramai pejalan kaki terpaksa mengambil risiko untuk bersaing dengan lalu lintas bermotor bagi mendapatkan "right of way".

Selama ini, statistik kemalangan jalan raya telah menunjukkan bahawa mod berjalan kaki merupakan mod pengangkutan yang paling merbahaya selepas mod menunggang motosikal. Separuh daripada kawasan yang lazimnya berlaku kemalangan maut pejalan kaki adalah terdiri daripada komponen kejiranan, iaitu kawasan perumahan, tempat membeli-belah dan sekolah. Sistem perundangan sedia ada di Malaysia juga masih belum termaktub sebarang undang-undang atau polisi-polisi yang melindungi kepentingan dan hak asasi pejalan kaki sehingga hari ini. Orang awam juga jarang sekali mempertikaikan tentang keselamatan pejalan kaki kerana mengakui bahawa sistem pengangkutan jalan adalah direka bentuk khusus untuk menampung kenderaan bermotor, tetapi bukannya manusia yang berjalan kaki.

Hasil kajian ini mendapati bahawa kemudahan pejalan kaki sedia ada di dalam konteks tempatan adalah terlalu terhad dan bersifat konvensional. Majoritinya juga berkualiti buruk dan tidak terselenggara oleh pihak berkuasa yang berkenaan. Cara penyediaan kemudahan pejalan kaki pula cuma setakat pemasangan kemudahan tertentu, tetapi tidak pernah memberi pertimbangan kepada keperluan bagi merancang suatu sistem pejalan kaki yang komprehensif dan menyeluruh. Keperluan khusus bagi golongan kurang upaya, warga tua dan kanak-kanak juga jarang diberi perhatian dalam perancangan tataatur kejiranan atau sistem jaringan jalan tempatan. Situasi ini telah mendedahkan diri mereka kepada risiko kemalangan yang agak tinggi ketika berjalan kaki di dalam kawasan kejiranan.

Jika dilihat dari sudut pandangan positif, setiap situasi tersebut menandakan bahawa masih banyak lagi pembaikan yang boleh dibuat untuk menjadikan aktiviti berjalan kaki lebih selamat di dalam kawasan kejiranan. Maka, jururancang bandar berperanan penting untuk menyepadukan komponen kejuruteraan, penguatkuasaan dan pendidikan dalam konsep perancangan kejiranan tempatan ke arah membentuk suatu sistem pejalan kaki yang selamat di sekitar kawasan kediaman. Jadi, banyak alternatif-alternatif pembaikan yang berkesan telah disyorkan dalam kajian ini demi mewujudkan satu model kawasan kejiranan yang memaparkan ciri-ciri perancangan dan reka bentuk yang selamat untuk aktiviti berjalan kaki.

ABSTRACT

Neighborhood was primitively being a residential environment that specially designed for a man who walks. However, existing neighborhood planning has only worked towards reserving a sidewalk within the major roadway network, seldom take a real consideration on the basic needs and safety requirement of the local pedestrian.

For a long period, the road casualties have shown that the walking mode has become the most dangerous mode of travel after the motorcycling modes. Nearly half of average death accidents for pedestrian were existed in the major area of neighborhood that include the residential areas, shopping areas and schools. The existing legislation framework in Malaysia also not yet formulated any policies, regulations or acts that tend to protect the interest of the right of pedestrian. The publics are seldom arguing about the pedestrian safety as they admitted that the roadway transportation was purposely designed to cater the motorized vehicles, but not the man who walk.

The results of this research have determined that the existing pedestrian facilities in local are so limited and seems to be conventional. Most of its quality are also poor because of not good maintained by the local authority concern. The ways of facility provisions only stand to the individual element's installation, but never give some serious considerations for the needs to plan an area-wide basis and comprehensive pedestrian system. The special needs of the disables, aging groups and the children are also seldom concerned within the planning of neighborhood layouts and road network systems. This situation has exposed themselves to the highly accidental risks while they are walking along the streets in their neighborhood.

From the positive points of view, each of these situations indicates that there is many things can be done in order make the walking activities safer in the neighborhood area. Therefore, the town planners have to play an important role to integrate the components of engineering, enforcement and education into the local neighborhood planning concepts towards enhancing a safe pedestrian system around their residential area. As a result, a lot of effective improvement alternatives have been proposed in order to create a neighborhood model that reflected the safety planning and design characteristics for the pedestrians.